

Brunei: Negara kaya yang memberi tekanan kepada orang Kristian

- Statistik-statistik Brunei:
Penduduk 380,000 (Julai 2006)
Melayu 67%, Cina 15%,
Orang asli 6%, Lain-lain 12%
- Muslim 67%, Penganut
Buddha 13%, Kristian (semua
denominasi)10%, kepercayaan kafir
dan lain-lain 10%
- 100% Undang-undang
Syariah

Di Asia Tenggara, Negara
Brunei Darussalam, lebih

dikenali sebagai Brunei, menghadap Laut China Selatan. Ia menjadi negara Islam pada abad ke-15 selepas Sultan Awang Alak Beter memeluk Islam, dan keluarga yang sama telah memerintah Brunei selama lebih dari enam ratus tahun. Brunei merupakan negara naungan British selama hampir seratus tahun sehinggalah mencapai kemerdekaan pada tahun 1984. Brunei kaya dengan minyak, dan sultannya merupakan salah seorang yang terkaya di dunia. Kerajaan ini tidak memungut cukai, tetapi membekalkan perkhidmatan kesihatan,

pencen, pendidikan, dan bagi mereka yang tidak berkemampuan, bantuan untuk menunaikan Hajj.

Perlembagaan kebangsaan mereka menyatakan, “Agama Brunei Darussalam adalah agama Islam”. Undang-undang Syariah di Brunei diutamakan di atas undang-undang awam, dan mengawal segala aspek hidup seharian. Hidup bagi orang-orang Kristian agak sukar di Brunei. Ada yang telah kehilangan pekerjaan mereka tanpa diberi amaran, sambil ada yang ingin melanjutkan pelajaran

Hari 20 | Brunei

terpaksa pergi ke negara-negara lain untuk memasuki universiti. Penginjian langsung dilarang dan beberapa orang Kristian telah ditangkap dan dipenjarakan kerana mereka menjalankan pelayanan penginjian tempatan. Sekolah-sekolah ekspatriat mesti mengajar agama Islam kepada semua pelajar-pelajar dan tidak dibenarkan mengajar tentang agama Islam. Baru-baru ini seorang guru Bahasa Inggeris dari negara asing yang hanya mendoakan berkat bagi suatu keluarga Melayu semasa perayaan Aidil Fitri (pada hujung bulan Ramadhan)

diberikan masa 48 jam untuk meninggalkan negara ini.

Beberapa orang Melayu Brunei telah percaya, tetapi suasana konservatif Islam ini tidak menggalakkan mereka yang berlatarbelakang Islam terbuka tentang kepercayaan mereka pada Mesias. Siaran Kristian dari Indonesia, yang senang didapati di Brunei, telah banyak membantu. Walaupun anda tidak dapat membeli Alkitab ataupun buku-buku Kristian di dalam negara Brunei, bahan-bahan Kristian untuk kegunaan sendiri dapat

dibawa masuk dari negara jiran, Malaysia.

Bahan-bahan Doa:

* Berdoalah untuk keadaan sensitif bagi orang-orang Kristian ekspatriat yang melayani di Brunei. Semoga hidup mereka menjadi teladan yang baik bagi orang-orang di sekeliling mereka.

* Semoga orang-orang asing yang percaya akan memberikan dorongan kepada

Hari 20 | Brunei

orang-orang Kristian tempatan sambil Tuhan membantu mereka membina perhubungan yang bermakna demi KerajaanNya.

* Berdoalah agar hati orang ramai akan tergerak. Semoga Yesus akan menyatakan diriNya kepada mereka melalui mimpi dan penglihatan. Semoga Tuhan akan bekerja dalam cara yang luarbiasa untuk membawa semua orang ini kepada DiriNya.

* Berdoalah bagi keluarga kerabat diraja dan pengaruh mereka pada semua tahap. Doakan juga isteri 'kedua' Sultan, Azrinaz Makar Hakim; Putera Diraja Billah dan isterinya, Sarah (KPR 16:31). Parlimen mereka telah mula bermesyuarat sekali lagi setelah dibubarkan selama 20 tahun.

Berdoalah juga untuk...

Beribu-ribu orang lelaki yang biasa hidup di laut di Bandar Aceh mengharungi tsunami pada Disember 2004 tetapi

kehilangan isteri dan anak-anak mereka. Ramai di antara mereka rasa amat sukar hendak memulakan hidup mereka semula. Ramai menderita kemurungan dan beratus-ratus, mungkin beribu-ribu di antara mereka mencari pasangan hidup yang baru, tetapi tidak berjaya.

www.30-days.net

www.30daysfire.net

30 Hari Doa bagi Dunia Muslim